



Selamat Datang
Ke Laman Portal
Universiti Putra Malaysia

UTAMA | FAKTA & ANGKA | DIREKTORI KAKITANGAN | LOKASI | PETA LAMAN | SOALAN LAZIM | HUBUNGI KAMI

CARI



Khamis, Mei 26, 2016

MENGENAI KAMI | PENYELIDIKAN | AKADEMIK | JARINGAN | ANTARABANGSA | KEHIDUPAN KAMPUS | PERKHIDMATAN

| A- | A+ | EN | RU | AR

BERITA »

Corporate Communication Talk bersama Ahmad Izham Omar



Oleh: **Noor Eszereen Juferi**

SERDANG - Pelajar Master Komunikasi Korporat (mod PJJ), Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi (FBMK), Universiti Putra Malaysia (UPM) menganjurkan Corporate Communication Talk: "Making a Difference: Branding the TV/ Radio/New Media/Music Contents" membincangkan pembaharuan dalam penjenamaan di media massa bersama Ketua Pegawai Eksekutif Primeworks Studio Sdn. Bhd., Ahmad Izham Omar.

Ahmad Izham dalam sesi perkongsian beliau berkata kreativiti serta kelainan inovasi produk adalah formula untuk mengukuhkan penjenamaan bukan sahaja dalam bidang media massa, malah pelbagai disiplin lain.

"Sebagai aspek penting dalam mana-mana perniagaan, penjenamaan membezakan tawaran anda daripada pesaing dan menggambarkan mesej dalam menentukan perbezaan produk yang anda wawarkan.

"Saya turut menggalakkan pelajar untuk menceburi bidang keusahawanan kerana bidang ini membolehkan pelajar membentuk keaslian dalam membina idea serta kreativiti dan menjadi individu yang berbeza daripada yang lain hasil daripada idea yang dijana," katanya.



Ketua program, Evelyn Edmund Motig berkata program yang bertemakan 'branding' itu bertujuan memberikan pendedahan kepada pelajar komunikasi korporat serta peserta lain mengenai kepentingan mempunyai penjenamaan yang kukuh di media massa.

"Ini selaras dengan perubahan landskap media yang meliputi media baharu yang telah banyak menyumbang kepada perubahan dalam industri media. Ini merupakan peluang pelajar untuk bertukar idea dan pandangan antara satu sama lain," katanya.

Rakannya, Nabiela Mansor berkata penganjuran program tersebut memberikan pengetahuan baharu kepada dirinya dan rakan-rakan serta peserta dari universiti-universiti tempatan yang lain, kerajaan dan sektor swasta.

"Saya memperoleh ilmu baharu mengenai kepentingan penjenamaan serta kepentingan untuk mempelajari ilmu pelbagai bidang bagi menjadikan diri saya graduan dengan kebolehpasaran yang tinggi di dalam industri apabila bergraduasi kelak," katanya. - UPM

